

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Membudaya dunia reka cipta	Sinar Harian
2.	Sidang kemuncak jadi platform wujud peluang dalam ekosistem keusahawanan	BERNAMA
3.	Platform perkukuh iklim keusahawanan	Berita Harian
4.	GEKomuniti 2017 kukuh ekosistem keusahawanan	Utusan Malaysia
5.	Malaysians urged to leave comfort zone so as to compete globally	New Straits Times
6.	GECommunity Summit 2017 to raise RM100m in value creation	The Malay Mail
7.	Banjir kilat, tanah runtuh di Bandaraya Miri	BERNAMA
8.	Banjir kilat, tanah runtuh di Bandaraya Miri	Sinar Harian
9.	Ribut petir di Labuan, Sabah dan Sarawak	BERNAMA
10.	JBPM Sabah sedia hadapi banjir	Astro Awani
11.	Gempa bumi di Coasta Rica, tiada amaran Tsunami	Sinar Online
12.	Urus bencana guna satelit	Utusan Online
13.	Law enforcers downplay reports of online violence against women, report shows	Malay Mail Online
14.	ABMS dapat sokongan staf Yayasan Pahang	Berita Harian

Membudaya dunia reka cipta

IICE 2017 cungkil bakat pelajar UiTM, berjaya himpulkan lebih 50 projek inovasi

Sebanyak 56 projek inovasi dan rekaam dihasilkan pelajar-pelajar dari pelbagai fakulti cawangan UiTM seluruh Malaysia dihimpunkan dalam pertandingan Innovation, Inventive and Creative Exhibition (IICE 2017) yang dianjurkan baru-baru ini.

Pemesisat Program IICE 2017, Noor Amiera Alias berkata, program yang diketuai Persatuan Pelajar Pemulihan Cakera (OTSA) itu dianjurkan bagi mencungkil bakat terpendam para pelajar Fakulti Sains Kesihatan (FSK) khususnya dan juga fakulti-fakulti lain dalam menghasilkan produk inovasi serta kreativiti bagi membudayakan dunia reka cipta dan inovasi yang boleh dijana dari pelbagai sumber.

Menurutnya, program itu juga bertujuan melahirkan pelajar yang kreatif dan mampu berdaya saing serta mampu keluar daripada kotak pemikiran yang biasa-biasa.

"Pertandingan tersebut diadakan oleh barisan juri jemputan yang terdiri daripada para penggiat inovasi dan inventor dari seluruh



Abu Bakar (dua, kiri) menyampaikan Diamond Award kepada pemenang anugerah tertinggi.



Para pemenang Anugerah Utama IICE 2017 meraikan kemenangan mereka.

Malaysia bagi menilai produk, idea atau proses kerja yang dihasilkan oleh para pelajar.

"Program yang dihadiri lebih 500 pelajar dan kakitangan universiti itu diinsinikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah yang begitu kagum dengan idea-idea yang dihasilkan para pelajar dalam menghasilkan produk baru," katanya dalam satu kenyataan media.

Noor Amiera berkata, salah



Abu Bakar beramah mesra dengan para pelajar yang menyertai pertandingan IICE 2017.



Abu Bakar melawat ruang pameran inovasi pelajar yang disediakan.



Abu Bakar menyampaikan anugerah kepada pemenang Poster dan Booth Terbaik IICE 2017.

satu produk inovasi alat bantuan pergerakan yang dibuat oleh pelajar iaitu quadframe juga dipilih oleh Abu Bakar untuk dibentangkan di peringkat kementerian dan akan dimajukan kepada pihak Perkeso untuk dikomersialkan.

Hadir sama pada majlis, Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Datuk Dr Hasan Said; Timbalan-timbalan Rektor dan juga dekan-

dekan dari fakulti-fakulti yang bertanding.

Selain itu, terdapat beberapa anugerah yang diberikan kepada para peserta iaitu Best Idea Award, Best Poster Presentation and Booth Award, Potential Project Award dan Anugerah Tertinggi Diamond Award.

Best Idea Award dimenangi oleh Saiful Adli dari Fakulti Sains Kesihatan, manakala Best Poster

& Booth dirangkul oleh pasukan dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik.

Anugerah Potential Project dan Diamond Award pula dimenangi oleh projek quadframe dari FSK.

Dalam pertandingan tersebut juga, sebanyak 20 produk dinobatkan sebagai pemenang pingat emas, manakala selebihnya memenangi pingat perak dan gangsa.



Para peserta bergambar bersama tetamu kehormat yang hadir pada majlis perasmian penutup program.

Kepada pendidik dan pelajar yang ingin herkongsi pendapat atau aktiviti sila emel kepada kampusGPSselki@gmail.com



Sidang Kemuncak Jadi Platform Wujud Peluang Dalam Ekosistem Keusahawanan

CYBERJAYA, 13 Nov (Bernama) -- Edisi kedua Sidang Kemuncak GEKomuniti (Komuniti Keusahawanan Global) 2017 akan menjadi platform dan pemangkin yang komprehensif untuk mewujudkan peluang yang lebih besar bagi peserta serantau dan global dalam ekosistem keusahawanan sejajar dengan revolusi industri keempat.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah berkata sidang kemuncak yang akan diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur mulai 12 hingga 13 Dis ini, akan menjadi tuan rumah kepada 50 penceramah tempatan dan antarabangsa, 330 peserta pameran, ucapnama tokoh terkenal dan perbincangan panel serta 100 sesi Makmal GEC.

Beliau berkata para usahawan adalah komponen penting dan pemacu utama kemajuan ekonomi dan sosial negara untuk menjadikan ekosistem keusahawanan bekerja sama dengan menjangka permintaan pasaran dan jurang peluang untuk berinovasi dalam pelbagai sektor.

"Keusahawanan merupakan jentera dalam merancang masa depan industri. Mengukuhkan ekosistem bukanlah sesuatu yang mudah. Keusahawanan bukanlah mengenai sebuah negara yang mememanfaatkannya. Orang ramai berusaha untuk membina batas mereka sendiri. Ia tidak akan berfungsi dan mereka perlu mengubah cara hidup dan kerja kita.

"Inovasi mereka boleh meningkatkan taraf hidup kita, selain daripada mewujudkan kekayaan, mereka juga mewujudkan pekerjaan dan mengembalikan semula kepada masyarakat. Sama seperti Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) ketika bekas Presiden AS Barack Obama mencadangkannya. Ia tidak berjalan kerana ada yang melihatnya sebagai satu ancaman. Secara peribadi, saya melihat TPP dalam gambaran yang lebih luas, di mana negara-negara akan bersama-sama dan kita boleh berdagang dengan peluang yang lebih baik dan lebih besar," katanya.

Mohd Irwan berkata demikian pada sesi perbincangan panel - Road to GECommunity Summit 2017 - di Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif MaGIC Ashran Ghazi, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur, **Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya** dan Presiden Pergerakan Usahawan Global (GEM) Dhakshinamoorthy Balakrishnan.

Sidang kemuncak global berkenaan, hasil inisiatif Kementerian Kewangan, dianjurkan oleh MaGIC, dan diadakan dengan kerjasama MOSTI, KPT dan GEM sebagai rakan kongsi komuniti.

Ia akan memberi tumpuan kepada siri kluster, termasuk bioteknologi, makanan dan pertanian, runcit dan pelancongan, bandar pintar, sumber alternatif, pendidikan dan kewangan, industri media dan kreatif, penjagaan kesihatan serta pengangkutan dan logistik.

Mohd Irwan, yang juga Pengerusi MaGIC dan Sidang Kemuncak GEKomuniti, berkata keusahawanan bukan lagi satu-satunya domain tetapi usaha komuniti tentang pengetahuan, idea dan perkongsian kepakaran dalam bidang keusahawanan supaya idea dan inisiatif berhasil.

"Alibaba.com, merupakan antara platform e-dagang terbesar di dunia, adalah salah satu model perniagaan semasa dan masa depan yang terus berkembang. Oleh itu, kita mahu perusahaan kecil dan sederhana tempatan merebut peluang ini supaya produk dan perkhidmatan mereka boleh dipasarkan di rantau dan global," katanya.

Mengambil contoh Bajet 2018, Mohd Irwan berkata, kerajaan komited dalam memberi sokongan kepada sektor keusahawanan negara terutama untuk usahawan kampung untuk menjadi peserta global dan mampu memindahkan mereka dari golongan berpendapatan rendah ke pertengahan.

Sementara itu, Noorul Ainur berkata, semangat keusahawanan penting disemai dan dididik dalam kalangan golongan muda terutama penuntut universiti untuk memastikan mereka tidak ketinggalan di peringkat global di tengah-tengah evolusi teknologi.

Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), beliau berkata, salah satu daripada sepuluh peralihan yang dikenal pasti adalah untuk menghasilkan graduan yang seimbang dan holistik dengan pemikiran keusahawanan dan memupuk 'pencipta kerja' daripada 'pencari kerja'.

GEKomuniti akan diakhiri dengan majlis Anugerah Pemula Niaga Global, di mana syarikat pemula niaga terbaik dunia akan diumumkan selepas proses penilaian yang teliti.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 30
TARIKH : 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

SIDANG KEMUNCAK KOMUNITI USAHAWAN GLOBAL 2017

Platform perkukuh iklim keusahawanan

➔ Idea peserta serantau, antarabangsa manfaat bersama

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Sidang Kemuncak Komuniti Usahawan Global 2017 (GECCommunity 2017) akan menjadi medan untuk mengukuhkan lagi ekosistem keusahawanan negara ini.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata keusahawanan instrumen penting dalam merancang masa depan industri.

"Sidang kemuncak ini akan menyatukan pelbagai pihak tempatan, serantau dan antarabangsa yang terbahit dalam ekosistem keusahawanan supaya idea dan inisiatif dapat dilaksanakan.

"Inisiatif untuk mengukuhkan ekosistem ini bukanlah sesuatu yang mudah. Sebab itulah kami membawa pelbagai pihak dengan peranan, kepakaran dan inisiatif yang berlainan untuk bersama-sama dengan kami menjayakan sidang kemuncak ini," katanya pada sidang media mengenai GECCommunity 2017 di Cyberjaya, semalam.

Transformasi industri

Sidang Kemuncak GECCommunity 2017 inisiatif Kementerian Kewangan yang dianjurkan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pendidikan Tinggi serta Global Entrepreneurship Movement (GEM) sebagai rakan komuniti.

Info

Sidang Kemuncak GECCommunity

- ➔ **12-13** Disember 2017
- ➔ **Pusat Konvensyen** Kuala Lumpur
- ➔ **50** penceramah
- ➔ **330** pempamer
- ➔ **20** sesi ucaptama
- ➔ **100** sesi Makmal GEC

Mohd Irwan yang juga Pengerusi Sidang Kemuncak GECCommunity 2017 berkata, acara itu bertujuan untuk memulakan transformasi industri menerusi Makmal GEC yang menjadi teras kepada sidang kemuncak berkenaan.

"Setiap sesi Makmal GEC akan dikendalikan oleh Pemilik Makmal atau penggerak inisiatif dengan hadirin seramai 50 orang yang meliputi pihak korporat, pengaruh ekosistem, pembuat dasar dan usahawan.

"Objektif Makmal GEC untuk meneroka idea dan peluang baharu melalui perbualan dengan pihak terbahit dalam ekosistem keusahawanan dan seterusnya menggunakan idea ini untuk mengubah serta meningkatkan keupayaan industri.

"Kami mahu Makmal GEC merencanakan ekonomi baharu, menggalakkan transformasi industri dan memupuk kerjasama di antara negara dengan penyokong

usahawan daripada pelbagai sektor menerusi pelaksanaan dasar serta inisiatif," katanya.

Tahun ini, bidang tumpuan Makmal GEC, termasuk kecerdasan buatan & pembelajaran mesin; e-dagang dan peruncitan; fesyen dan kecantikan; makanan dan minuman; perkakasan dan Internet kebendaan (IoT); kesihatan dan biotek; media, permainan dan hiburan; mobiliti dan pengangkutan; keselamatan dan teknologi maklumat; realiti maya dan realiti berperantara; pendidikan; inovasi sosial; teknologi kewangan (FinTech) dan pembayaran; kreatif; serta bandar pintar.

Sidang kemuncak kali ini juga akan dihadiri 50 Pemimpin Global daripada rangkaian GEM daripada 19 negara.

Setakat ini GEM mengendalikan 38 Makmal GEC menerusi Pemimpin Komuniti Global dari seluruh dunia yang mengetuai sesi Makmal GEC.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 15
TARIKH: 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

GEKomuniti 2017 kukuh ekosistem keusahawanan

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA

ekonomi@utusan.com.my

CYBERJAYA 13 Nov. - Sidang Kemuncak GEKomuniti 2017 pada bulan depan bakal menjadi platform untuk bidang keusahawanan negara terus kekal pada landasan dalam menuju revolusi perindustrian keempat dan ekonomi baharu.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, sidang kemuncak yang komprehensif itu berpotensi mengukuhkan ekosistem keusahawanan yang semakin berkembang selain memberi inspirasi dan memudahkan penciptaan inovasi.

"Sidang kemuncak ini akan menyatukan pelbagai pihak tempatan, serantau dan antarabangsa yang terlibat dalam ekosistem keusahawanan supaya idea dan inisiatif terlaksana.

"Inisiatif mengukuhkan ekosistem ini bukanlah sesuatu yang mudah. Sebab itulah kami membawa pelbagai pihak dengan peranan, kepakaran dan inisiatif yang berlainan dalam menjayakan sidang kemuncak ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis taklimat media mengenai Sidang Kemuncak GEKomuniti Keusahawanan Instrumen Merancang Masa Hadapan Industri di Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), dekat sini hari ini.

Sidang kemuncak edisi kedua itu akan diadakan selama dua hari bermula 12 Disember ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Ini merupakan inisiatif Kementerian Kewangan yang dianjurkan



IRWAN SERIGAR ABDULLAH (tengah), Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif MaGIC, Ashran Datuk Ghazi dalam taklimat media di Cyberjaya, semalam.

oleh MaGIC dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Kementerian Pendidikan Tinggi dan Pergerakan Keusahawanan Global (GEM) sebagai rakan komuniti.

Sidang kemuncak itu akan membawa seramai 50 penceramah tempatan dan antarabangsa dengan seramai 330 peserta tempatan yang terdiri daripada pelajar-pelajar institut pengajian tinggi dan orang awam.

Antara penceramah yang dijemput pada sidang tersebut adalah Pengarah Bersama Institut Strategi Lautan Biru, Profesor W.Chan Kim dan Profesor Renee Mouborgne, selain itu ahli teori fizik dan futuristik dunia, Sophie Hckford dan Ketua Pegawai Eksekutif Founders Space, Boyd Cohen.

Mengulas lanjut, Irwan Serigar berkata, matlamat utama sidang kemuncak itu adalah untuk mengetahui hasil daripada 100 sesi makmal yang akan dikendalikan oleh 50 orang pakar terdiri daripada pihak korporat, pengaruh ekosistem, pembuat dasar dan usahawan.

Jelasnya, paling utama kelebihan sidang kemuncak itu adalah untuk menghimpunkan pelbagai pihak yang terlibat dalam ekosistem keusahawanan tempatan, serantau dan antarabangsa di bawah satu bumbung.

"Bagi kami kejayaan sebenar adalah apabila dapat memenuhi objektif sidang kemuncak iaitu apabila idea yang tercetus dapat diterjemahkan kepada penyelesaian," katanya.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS) : MUKA SURAT B2
TARIKH : 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Malaysians urged to leave comfort zone so as to compete globally

CYBERJAYA: Malaysians need to shift their entrepreneurial lens and move out of their comfort zones in order to catch up with competitors and go global.

Global Entrepreneurship Community (GEC) Summit 2017 chairman Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah said Malaysian entrepreneurs need a quantum leap to be at par with other countries.

"We need to change the way we do things because if we don't, we will be left out and this includes the regulators, in order to liberalise and introduce new things in all sectors and industries," said Irwan, who is also Treasury secretary-general.

"We need to move fast and make the quantum leap. This is how change happens. Entrepreneurship is the vehicle in designing the future of industries and

strengthening the ecosystem. It is no easy feat, which is why we are bringing parties from different roles and expertise to join forces," he said at a panel session, here, yesterday.

We are bringing together parties within the local, regional and international entrepreneurship ecosystems under one roof to transform and enhance sectors and industries.

TAN SRI MOHD IRWAN SERIGAR ABDULLAH
 Global Entrepreneurship Community Summit 2017 chairman

one roof to transform and enhance sectors and industries. "Success to us is when we meet the objective of the summit, when

The GEC summit will be held at the Kuala Lumpur Convention Centre on December 12-13.

Malaysia will play host to 50 local and international speakers, 330 exhibitors, 20 keynote and panel discussions and up to 100 GEC Lab sessions.

The summit plans to raise about RM100 million in value creation.

"We are bringing together parties within the local, regional and international entrepreneurship ecosystems under

conversations and ideas that are sparked at the summit translate into solutions that transform sectors. We have to walk the talk.

"In the grand scheme of things, we want to push from GEC Labs to spur new economies, encourage industry transformation, and nurture collaboration between countries to support entrepreneurs from different sectors through policies and initiatives," said Irwan.

The GEC Labs will revolve

around topics such as artificial intelligence and machine learning, health and biotech, virtual reality and augmented reality, smart cities, financial technology and payment, social innovation and media as well as gaming and entertainment.

The summit is organised by Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) in collaboration with the ministries of Science, Technology and Innovation and Higher Education.

Global Entrepreneurship Movement is the community partner of the summit.

Also present were MaGIC chief executive officer Ashran Ghazi, Higher Education Ministry secretary-general Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur, Science, Technology and Innovation secretary-general Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya and Global Entrepreneur Movement president Dhakshinamoorthy Balakrishnan. **Zarina Zakariah**



Global Entrepreneurship Community Summit 2017 chairman Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah (third from left) at a panel discussion in Cyberjaya yesterday. With him are Higher Education Ministry secretary-general Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur (second from left), Malaysian Global Innovation and Creativity Centre chief executive officer Ashran Ghazi (third from right) and other panellists. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

GECCommunity Summit 2017 to raise RM100m in value creation

By Sharina Ahmad
sharinaahmad@mmail.com.my

CYBERJAYA — The second edition of the upcoming GECCommunity Summit 2017 aims to raise approximately RM100 million in value creation over the next two years through the GEC Lab Session which serves as a comprehensive platform to strengthen the entrepreneurship ecosystem by inspiring and facilitating innovations.

GECCommunity Summit 2017 chairman and Treasury Secretary General Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah said entrepreneurship is the vehicle for designing the future of industries.

"The summit brings together local, regional, and international parties within the entrepreneurship ecosystem so that ideas and initiatives can come to fruition," he said during the media briefing here yesterday.

Mohd Irwan said strengthening the ecosystem is no easy feat.

"That is why we're bringing various parties with different roles, expertise and initiatives to join forces in making this summit a success," he said.

The GECCommunity Summit 2017 summit is expected to bring together parties within the local, regional, and international entrepreneurship ecosystems under one roof to transform and enhance industries.

"Success to us is when we meet the objective of the summit, which is when conversations and ideas are sparked at the summit translate into solutions that ultimately transform sectors. We have to walk the talk," said Mohd Irwan.

Asked on Prime Minister Datuk Seri Najib Razak's efforts to boost the entrepreneurial sector in Budget 2018, especially for village entrepreneurs to become global players, Mohd Irwan said both the Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) and the Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC)

have been working closely to train these entrepreneurs on e-Commerce to push their daily income to a higher levels.

"We and MDEC are helping them through various programmes such as e-Rezeki and e-Usahawan.

"These programmes will help them to increase their daily income from RM800 to RM3,000 or even to the maximum amount of RM8,000 for instance," he said.

He noted that these village entrepreneurs can subsequently move from the bottom 40% (B40) income group to the middle 40% (M40) income group.

To remain resilient in light of the changing digital environment, these village entrepreneurs need to attend courses and programmes to be aware and proficient in using e-Commerce platform.

The prime minister said during Budget 2018 the government has allocated RM1.04 billion to implement various entrepreneurship development programmes under the Ministry of Rural and Regional Development.

Najib said entrepreneurs needed to be aware of the evolution and changes to the economic landscape that was riding the waves of the fourth industrial revolution by banking on the latest technologies and knowledge-based industries.

He added that the government would continue to empower local entrepreneurs, and to ensure that they were equipped with the latest knowledge and innovations to become highly resilient in the business world.

GECCommunity Summit 2017 was initiated by the Ministry of Finance and organised MaGIC in collaboration with the Ministry of Science, Technology and Innovation of Malaysia, the Ministry of Higher Education of Malaysia with the Global Entrepreneurship Movement as the community partner.

The summit, which will be held at the Kuala Lumpur Convention Center from Dec 12 to 13, will play host to 50 local and international speakers, 330 exhibitors, 20 keynote and panel discussions and up to 100 GEC Lab sessions.



Banjir Kilat, Tanah Runtuh Di Bandaraya Miri

MIRI, 13 Nov (Bernama) -- Hujan lebat yang melanda Bandaraya Miri sejak 6.30 petang semalam hingga pagi ini menyebabkan berlaku tanah susur serta banjir kilat di kawasan perkampungan dan perumahan di sini.

Pegawai Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Miri Razali Junis berkata antara kawasan terjejas teruk ialah Kampung Lereng Bukit yang melibatkan sebuah rumah pondok hampir roboh akibat tanah susur dan perkampungan di Bekenu dilanda banjir kilat.

"Kejadian di Kampung Lereng Bukit hanya melibatkan sebuah rumah kosong dan bomba masih memantau kawasan sekitar untuk memastikan tiada berlaku tanah susur di rumah berhampiran,"katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Razali berkata, kejadian tanah susur dianggarkan berlaku pada 7 pagi ini manakala bomba tiba ke lokasi kejadian pada 9.15 pagi untuk memeriksa tahap keselamatan kawasan terlibat.

Jabatan Meteorologi dalam kenyataan pada 10 Nov lepas menyatakan Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh akan bermula pada 13 Nov hingga Mac 2018 dengan hujan lebat dijangka berlaku di barat serta utara Sarawak selain dari negeri pantai timur di Semenanjung dan Sabah.

-- BERNAMA



Banjir kilat, tanah runtuh di Bandaraya Miri



(Foto hiasan) Seorang wanita meredah hujan lebat. - Foto Bernama

MIRI - Hujan lebat yang melanda Bandaraya Miri sejak 6.30 petang semalam hingga pagi ini menyebabkan berlaku tanah susur serta banjir kilat di kawasan perkampungan dan perumahan di sini.

Pegawai Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Miri, Razali Junis berkata antara kawasan terjejas teruk ialah Kampung Lereng Bukit yang melibatkan sebuah rumah pondok hampir roboh akibat tanah susur dan perkampungan di Bekenu dilanda banjir kilat.

"Kejadian di Kampung Lereng Bukit hanya melibatkan sebuah rumah kosong dan bomba masih memantau kawasan sekitar untuk memastikan tiada berlaku tanah susur di rumah berhampiran," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Razali berkata, kejadian tanah susur dianggarkan berlaku pada 7 pagi ini manakala bomba tiba ke lokasi kejadian pada 9.15 pagi untuk memeriksa tahap keselamatan kawasan terlibat.

Jabatan Meteorologi dalam kenyataan pada 10 November lepas menyatakan Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh akan bermula pada 13 November hingga Mac 2018 dengan hujan lebat dijangka berlaku di barat serta utara Sarawak selain dari negeri pantai timur di Semenanjung dan Sabah. - Bernama



Ribut Petir Di Labuan, Sabah Dan Sarawak

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Ribut petir di perairan Sarawak (Limbang, Miri dan Bintulu), Sabah (Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat) dan Labuan dijangka berterusan hingga lewat petang ini.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan berkata keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang hingga 50 kilometer sejam (kmsj).

Ia juga boleh menyebabkan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter dan berbahaya kepada bot kecil.

Keadaan sama dijangka turut melanda perairan Reef South, Labuan, Palawan dan Sulu.

-- BERNAMA



JBPM Sabah sedia hadapi banjir



Seramai 830 anggota bomba Sabah bersedia berdepan ancaman banjir susulan permulaan monsun timur laut. - Astro AWANI.

KOTA KINABALU: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah kini bersiap sedia untuk mengerahkan 830 anggotanya daripada 22 balai di seluruh negeri ini dalam tempoh 24 jam bagi menghadapi ancaman bencana alam termasuk banjir susulan permulaan monsun timur laut yang dijangka bermula pada bulan depan.

Penolong Pengarah Operasi JBPM Sabah; Khairul Azuwan Ibrahim berkata, berdasarkan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia baru-baru ini, permulaan monsun berkenaan dijangka akan membabitkan beberapa kawasan di Sabah terutamanya kawasan utara dan timur.

Setakat ini, kata beliau pihaknya sudah membuat persediaan rapi merangkumi tiga aspek utama iaitu sumber manusia, logistik dan peralatan serta pengurusan menangani banjir.

"JBPM mempunyai 22 Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) ditempatkan di seluruh negeri ini termasuk di beberapa lokasi yang kerap berlaku bencana banjir iaitu di daerah Kota Belud, Kota Marudu dan Beaufort.

"Sebagai persediaan menghadapi banjir, kita akan meningkatkan keupayaan terutamanya di bahagian Pusat Gerakan Operasi (PGO) dalam memantau sebarang perkembangan bencana alam seperti banjir kilat, tanah runtuh dan pokok tumbang ketika musim tengkujuh itu nanti," katanya ketika ditemui Astro AWANI di sini hari ini.

Khairul berkata, ketika musim banjir pada bulan Oktober lalu, pihaknya merekodkan sebanyak 293 kes kejadian bencana alam seperti tanah runtuh, pokok tumbang, banjir dan berkaitan berlaku di Sabah.



Gempa bumi di Costa Rica, tiada amaran Tsunami



JACO - COSTA RICA. Satu gempa bumi berukuran 6.5 skala richter berlaku di sini jam 10.28 pagi tadi.

Jabatan Meteorologi Malaysia menerusi laman Facebook melaporkan gempa tersebut berpusat 16 KM dari barat Jaco pada kedalaman 10KM.

"Tiada ancaman Tsunami terhadap Malaysia," kata kenyataan tersebut.

Sementara itu, Express.Uk melaporkan Presiden Costa Rica, Luis Guillermo Solis menerusi laman Twitter turut meminta agar semua rakyat bertenang.

"Minta anda semua bertenang, pihak berkuasa masih menyiasat mengenai perkara ini," tulisnya.

Pada mulanya US Geological Survey mengatakan bahawa gempa tersebut berukuran 6.8 skala richter namun kemudiannya dikurangkan.



Urus bencana guna satelit



Pegawai Penyelidik, Azman Ahmad menunjukkan sistem mengesan kawasan banjir di Agensi Remote Sensing Malaysia, di sini hari ini.

Negara sudah mula merasai kedatangan musim tengkujuh dan semestinya membawa hujan lebat yang berpanjangan. Angin Monsun Timur Laut atau yang membawa hujan lebat kini memberi ancaman kepada kita.

Menjelang hujung tahun inilah realitinya. Bencana akan berlaku dan biasanya kita akan diancam banjir monsun.

Bencana alam sukar untuk dielak tetapi kita perlu bersedia untuk menghadapinya. Bencana alam seperti banjir, disebabkan oleh banyak faktor hujan lebat berterusan, sistem perparitan yang tidak sempurna dan penurapan konkrit terlalu luas di satu satu kawasan menyukarkan air larian atau air permukaan meresap ke dalam tanah selain air sungai melimpah.

Masalahnya bagaimana cara kita mengurus kejadian sebelum, semasa dan selepas kejadian bencana. Kesan banjir termasuklah kerosakan harta benda, kemusnahan tempat tinggal serta infrastruktur, dan kehilangan nyawa.

Dalam pengurusan bencana banjir, data remote sensing hasil cerapan data satelit, Sistem Maklumat Geografi (GIS) seperti poligin kawasan banjir, jalan yang ditenggelami, guna tanah dan pusat pemindahan banjir perlu diselaras dan diintergrasikan secara berpusat bersepadu membolehkan keputusan yang cepat dan berkesan dapat dicapai. Teknologi rangkaian Web GIS membolehkan maklumat dicapai (akses) secara dalam talian.

Maklumat dan data tersebut digunakan, dianalisis untuk digunakan bagi membantu agensi berkaitan pengurusan bencana seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba).

Kemudahan tersebut sudah pun ada yang ditawarkan oleh **Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)**, sebuah agensi **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**.

Agensi terbabit kini menggunakan data daripada satelit RadarSat milik Kanada yang diterima oleh Stesen Penerima Data Satelit (SPDS) di Temerloh, Pahang.

Menurut pegawai penyelidik ARSM, **Syariman Samsudin**, pihaknya membangunkan sistem Maklumat dan Logistik Banjir Monsun bagi membantu agensi berkaitan dalam pengurusan bencana banjir yang lebih tersusun sejak 2010.

Namun setakat ini, pihaknya hanya menawarkan sistem tersebut bagi banjir berkala atau dijangka dan bukan sebaliknya iaitu banjir kilat.

"Ini berkaitan (pergerakan) satelit yang kita gunakan hanya melalui kawasan kita dalam tempoh tertentu.

"Justeru imej yang kita dapat hanya ketika melalui kawasan kita dalam tempoh tentu secara berkala," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian dalam kertas kerja bertajuk Sistem Maklumat Logistik Banjir Monsun pada seminar Pemerkasaan Penggunaan Teknologi Remote Sensing Untuk Kesejahteraan Rakyat dan Kelestarian Keselamatan Negara di ibu negara baru ini.

Ketua Pengarah Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), **Azlikamil Napiah** berkata, sistem Maklumat dan Logistik Banjir Monsun telah beroperasi dan diguna pakai oleh pengguna berkaitan.

Beliau berkata, sistem sangat berguna dan efektif bagi tujuan memudahkan pihak berkaitan membuat perancangan serta persediaan menghadapi dan sebelum berlaku bencana.

"Pelaksanaan pengurusan bencana menjadi lebih sistematik dan kos efektif.

"Sistem juga mampu bantu pihak kerajaan melaksanakan proses mitigasi dan bantuan," ujarnya.

Beliau berkata, pengoperasian sistem adalah mendukung pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Dalam pada itu, beliau berkata, satelit yang digunakan untuk sistem tersebut adalah RadarSat-2 milik Kanada.

Satelit berkenaan yang mempunyai resolusi antara satu hingga 10 meter (m) berdasarkan kesesuaian penggunaan dan mempunyai kelebihan untuk semua jenis cuaca kerana tiada gangguan awan.

Menurut **Syariman Samsudin**, objektif pembangunan sistem tersebut adalah mempertingkat kecekapan penyaluran maklumat berkaitan bencana banjir kepada agensi-agensi kerajaan yang terlibat secara langsung.

Beliau berkata, kadangkala timbul masalah berkenaan maklumat berkaitan bencana banjir yang tidak selaras antara agensi seperti pusat pemindahan banjir, pangkalan hadapan, dan kesesuaian tapak pembangunan infrastruktur serta kemudahan.

Masalah kedua katanya, adalah berkaitan penilaian anggaran kawasan yang terjejas banjir, kerosakan harta benda dan pertanian yang kurang tepat dan ketiga, kesukaran dalam mengenal pasti liputan keluasan serta kawasan yang dilanda banjir.

Walau bagaimanapun katanya, sistem tersebut boleh diakses oleh agensi terbabit dengan pengurusan bencana banjir.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) sebagai sekretariat telah diberi taklimat mengenai penggunaan sistem tersebut sebelum ini.

Beliau berkata, sistem tersebut menggunakan imej satelit radar yang berkemampuan menembusi permukaan awan berbanding satelit optikal yang keupayaan penembusan lebih terbatas.

Selain itu, semua data yang mampu membantu penambahbaikan dimasukkan ke dalam sistem berkenaan termasuklah antaranya imej, data GIS seperti jalan raya dan guna tanah.

Data berkenaan yang diperoleh akan diproses dan analisis dan output atau hasilnya digunakan untuk pelbagai kegunaan agensi berkaitan antaranya adalah bagaimana menilai kerosakan akibat banjir dan, anggaran mangsa terlibat serta pengukuran keluasan kawasan banjir.

Syariman berkongsi contoh bagaimana sistem tersebut dapat membantu kerajaan menjimatkan belanja apabila seorang petani yang mendakwa padinya rosak akibat banjir.

"Namun selepas meneliti kepada peta yang dihasilkan, kawasan yang didakwa petani tersebut, tidaklah terjejas teruk," ujarinya.

Law enforcers downplay reports of online violence against women, report shows



In their report, the groups said cases of online violence against women are pervasive here and happen in many forms from private messaging to public platforms. — AFP pic

KUALA LUMPUR, Nov 13 — A recent report by local civil society groups to the United Nations (UN) revealed that law enforcers not only make light of online violence against women (VAW) as reported by victims, but also treat these incidents as “normal.”

The report explained that various laws already exist to deal with such cases, but law enforcers are often ignorant about them and fail to understand that online VAW can be as harmful as physical cases.

“Anecdotal cases have shown that where women did report instances of online VAW, their experiences are often trivialised and normalised. The failure of the police officer to recognise online threats and harassment as VAW or even as crimes under the domestic laws, affects women’s access to justice in a systematic way.

“Responses by police officers were either dismissive or condescending. Oftentimes the police would tell the victim that there is nothing they could do as it is a ‘private affair’ or that the victim should just delete his/her account,” read the [joint submission](#) to the UN Special Rapporteur on VAW.

The report was compiled by Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (EMPOWER), Bersih 2.0, Justice for Sisters, Malaysian Centre for Constitutionalism and Human Rights, National Council of Women's Organisations, Malaysia, and Women's Aid Organisation.

The UN defines online VAW as "any act of gender-based violence that results in, or is likely to result in, physical, sexual or psychological harm or suffering to women, including threats of such acts."

This includes sexual harassment, rape, violence and death threats, stalking, and even trolling, hacking and spamming.

In their report, the groups said online VAW cases are pervasive here, happen in many forms from private messaging to public platforms, and do not only affect women who are highly visible on the internet.

This issue is compounded by among others the view that whatever happens online is not as "real", and therefore online VAW is often trivialised and deemed less harmless without any "real physical" impact, they said.

The groups said there are many agencies that ought to handle such cases: the Cyber Investigation Response Centre and the Sexual, Women and Child Investigation Division of the Royal Malaysian Police, the Communications and Multimedia Content Forum, and **the Ministry of Science, Technology and Innovation's agency CyberSecurity**.

Despite that, the report said victims of online VAW rarely report their cases to the authorities, and stories from those who have done so had instead discouraged women from doing the same.

In addition, the report suggested that women victims—whether transgender or otherwise—may even be subject to moral policing and judgement instead in such cases.

This is despite the existence of several laws handling VAW, including the Domestic Violence Act 1994 and the Penal Code, in addition to laws penalising information and communication technologies offences such as the Communications and Multimedia Act 1998, Personal Data Protection Act 2010, and the Computer Crimes Act 1997.

"While having legislation in place that address online VAW is much required, it is important to note even in the presence of legislation, women's access to justice is negated by the gender-based biases and discrimination on the part of duty bearers, the socio-economic status of women, and prevailing societal attitudes and stigmatisation of women's voices, bodies and sexuality," it said.

ABMS dapat sokongan staf Yayasan Pahang

➔ Sistem diperkenal memudahkan pihak pengurusan pantau semua pegawai, kakitangan

Oleh Nik Sukry Ramli
niksukry@bh.com.my

► Kuantan

Sistem Pengurusan Pencegahan Rasuah (ABMS) yang diperkenalkan Yayasan Pahang sejak bulan lalu membuktikan kesungguhan anak syarikat kerajaan negeri itu meningkatkan integriti kakitangannya.

Pengurus Besar Yayasan Pahang, Datuk Mahmud Mohd Nawawi, berkata sistem ABMS itu memudahkan pihak pengurusan memantau semua pegawai dan kakitangannya.

Beliau berkata, penggunaan sistem itu adalah pelengkap kepada inisiatif yang dijalankan mereka melalui penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) sedia ada.

"Jika sebelum ini kita sudah ada JITU bagi mencegah dan mengawal gejala rasuah, melalui sistem ABMS ini, kita dapat melakukan pemantauan dengan lebih berkesan dan sistematik.



Kompleks Yayasan Pahang di Tanjung Lumpur.



Mahmud Mohd Nawawi

"Sistem ABMS diperkenalkan bagi menukar persepsi masyarakat yang sering melabelkan agensi Kerajaan Persekutuan atau negeri tidak berdaya saing dan terdedah dengan amalan rasuah.

Tingkat keyakinan

"Tanggapan seperti ini perlu diubah dan kita percaya melalui pengenalan sistem seumpama ini dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap agensi kerajaan," katanya ketika ditemui di Kompleks Yayasan Pahang, di sini, semalam.

Mahmud berkata, sistem ABMS yang dibangunkan Yayasan Pahang itu turut memperoleh Skim Persijilan ABMS ISO 37001:2016 daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd.

Lebih membanggakan, katanya, Yayasan Pahang adalah antara 11 organisasi pertama di negara ini menerima pengiktirafan sedemikian termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan, PETRONAS, Lembaga Tabung Haji dan Jabatan Imigresen.

Beliau berkata, anugerah itu disampaikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah pada majlis diadakan di ibu negara, Jumaat lalu.

Mengulas lanjut, Mahmud berkata, sistem ABMS memberi penekanan kepada usaha mengukur, mengekang dan menghalang perlakuan rasuah membabitkan siri pengukuran dan kawalan mewakili amalan baik antirasuah peringkat global.

"Sistem ABMS dilihat sebagai lebih sistematik walaupun sebelum ini mereka sudah melaksanakan audit nilai secara dalaman dan luaran, ikrar integriti korporat serta pembudayaan nilai murni.

"Kita sudah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti pertukaran dalaman di jabatan yang berisiko terdedah dengan rasuah setiap enam bulan sekali. Sudah pasti pencapaian ini sesuatu yang membanggakan, apatah lagi kami adalah antara 11 organisasi pertama di negara ini menerima pengiktirafan seperti ini," katanya.